

**MAJLIS PELANCARAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI  
KEBANGSAAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
21/06/2012**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Tuan / Puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah dan KurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang indah ini bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Transformasi Pendidikan Orang Asli, Kementerian Pelajaran Malaysia, di Sekolah Kebangsaan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Batau, Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur.

2. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan YAB Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakub, Menteri Besar Pahang dan seluruh rakyat Negeri Pahang Darul Makmur yang telah bersama-sama membantu merealisasikan program ini. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola dan semua Ahli Jawatankuasa Pelaksana yang bertungkus lumus menjalankan tugas yang diamanahkan bagi memastikan majlis pada hari ini dapat dilaksana dengan jayanya.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

3. Pembangunan modal insan yang cemerlang, berilmu pengetahuan, berkemahiran dan memiliki sahsiah yang tinggi merupakan agenda penting dalam sistem pendidikan negara. Sesuai dengan keadaan negara kita yang majmuk, Kerajaan tidak menumpukan pembangunan modal insan bukan hanya kepada kelompok tertentu sahaja, tetapi merangkumi seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, etnik, agama dan bangsa. Maka, langkah mentransformasikan pendidikan ke arah yang lebih berkualiti melalui perluasan akses dan ekuiti pendidikan di segenap lapisan masyarakat akan terus diberi perhatian.

4. Dalam konteks ini, ianya bukan ditumpukan terhadap proses pembelajaran dan pengajaran (p&p) sahaja, malahan proses kemenjadian murid di seluruh pelusuk rantau di negara ini akan terus diberi penekanan, agar matlamat membangunkan modal insan rakyat Malaysia yang mapan dapat direalisasikan.

5. Langkah yang dilakukan melalui pelbagai pendekatan dan kaedah ini adalah bertujuan untuk melahirkan modal insan cemerlang, yang sentiasa mengamalkan nilai moral serta etika yang tinggi dan mampu memenuhi kehendak pasaran. Ini seiring dengan usaha kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), demi untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi.

6. Dalam menjayakan hasrat ini, ianya bukan hanya digalas oleh pihak kerajaan semata-mata, tetapi saya mengajak semua pihak yang berkepentingan seperti sektor swasta, komuniti,

NGOs dan seluruh anggota masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing. Apabila keadaan ini berlaku sudah pasti 'yang berat akan menjadi ringan, yang payah akan menjadi mudah'. Justeru, hasrat untuk melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berfikiran kritis, kreatif dan inovatif, mempunyai nilai murni serta kompetitif di peringkat nasional mahupun global pasti dapat dicapai.

Tuan / Puan yang dikasihi sekalian,

7. Bagi memastikan sistem pendidikan negara yang berkualiti dapat dinikmati oleh semua, Program Transformasi Pendidikan Orang Asli yang dirangka dan akan dilaksanakan ini merupakan usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan dan produktiviti. Ini adalah untuk memastikan tiada pihak yang terpinggir atau tertinggal termasuk anak-anak dalam kalangan masyarakat Orang Asli, terutamanya dalam arus perdana bidang pendidikan.

8. Oleh itu, di bawah RMKe-10, usaha memperkukuhkan sistem pendidikan negara yang direncanakan mulai peringkat awal kanak-kanak sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi telah mengambil kira semua kepentingan masyarakat negara ini. Malah, usaha ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan masyarakat Orang Asli terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman.

9. Saya yakin, jika proses ini berjalan lancar dengan sokongan padu semua pihak, ditambah pula dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan sempurna, murid-murid Orang Asli mampu dan berupaya melonjakkan pencapaian mereka ke tahap yang lebih baik dan cemerlang.

10. Selain itu, Transformasi Pendidikan ini juga akan dapat membantu usaha KPM untuk merapatkan lagi jurang pencapaian antara lokasi, tahap sosio ekonomi dan tahap keupayaan murid. Ia bukan sahaja akan dapat memastikan peluang yang sama rata di semua sekolah, malah akses, ekuiti dan kualiti akan dapat dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat Orang Asli itu sendiri.

11. Justeru, saya menyeru kepada semua pihak terutamanya masyarakat Orang Asli dan tuan puan yang berada di sini, agar sama-sama menggembeling tenaga, berganding bahu dan bekerja dengan lebih keras, demi untuk melihat kejayaan yang diharapkan ini.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

12. KPM telah pun merangka satu paradigma perubahan pendidikan yang menyeluruh, dengan memberi penekanan kepada faktor-faktor yang telah dikenal pasti boleh menyumbang kepada peningkatan kecemerlangan pendidikan iaitu guru, murid, ibubapa dan komuniti serta infrastruktur. Justeru, Transformasi Pendidikan Orang Asli telah menggariskan tujuh (7) inisiatif baru demi untuk mempertingkatkan prestasi pencapaian pendidikan ke tahap yang menjadi kebanggaan negara.

13. INISIATIF PERTAMA adalah pemantapan tadbir urus sekolah-sekolah yang mempunyai murid-murid orang Asli, bermula di peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian. Dalam konteks ini, kepimpinan dan pengurusan di semua peringkat akan dipertingkatkan kualitinya, dengan memastikan segala isu dan permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak Orang Asli dapat diselesaikan segera, tanpa membelakangkan sosiobudaya yang diamalkan.

14. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM telah diberikan tanggungjawab untuk membentuk satu Task-Force, yang dianggotai oleh pelbagai bahagian dan agensi yang berkepentingan, untuk memantau dan memastikan Transformasi ini dilaksanakan dengan berkesan dan teratur.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

15. INISIATIF KEDUA transformasi ini adalah dengan memasukkan elemen Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di peringkat menengah rendah di semua sekolah menengah harian yang menjadi tumpuan masyarakat Orang Asli. Justeru, mata pelajaran PAV yang ditawarkan di sekolah-sekolah tersebut, juga akan mengambil kira sosiobudaya dan keperluan masyarakat Orang Asli seperti penyelenggaraan motor, kemahiran dalam industri berasaskan getah, industri kraftangan, kemahiran rekaan fesyen dan membuat pakaian, ICT serta kemahiran keusahawanan. Langkah ini bertujuan untuk melengkapkan murid-murid Orang Asli dengan pelbagai kemahiran sebagai mempersiapkan diri apabila menceburi dunia pekerjaan.

16. INISIATIF KETIGA adalah mengurangkan kadar keciciran murid Orang Asli ke sekolah sebanyak enam (6) peratus setiap tahun mulai tahun 2013. Berdasarkan statistik terkini, kadar keciciran anak-anak Orang Asli adalah pada kadar 30 peratus. Keadaan ini amat membimbangkan dan merugikan negara, jika tidak diambil tindakan yang lebih drastik.

17. Justeru, saya berharap dalam tempoh lima (5) tahun akan datang, kadar keciciran murid Orang Asli ke sekolah menengah akan dapat dikurangkan atau dihapuskan sama sekali dengan memastikan setiap murid dalam kalangan Orang Asli akan berjaya memperoleh pencapaian akademik sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

18. Di dalam konteks peningkatan pencapaian prestasi sekolah-sekolah yang menjadi tumpuan masyarakat Orang Asli, KPM telah merangka program-program yang bersesuaian seperti Kelas Bimbingan Khas kepada murid-murid Orang Asli, program peningkatan kadar literasi dan numerasi (LINUS) dan sebagainya. Pada ketika ini, majoriti sekolah-sekolah berkenaan berada di tahap yang rendah iaitu pada band 6 & 7.

19. Justeru, menjelang 5 tahun akan datang, sekolah-sekolah berkenaan akan dilonjakkan prestasi mereka sehingga mencapai tahap pada band yang lebih baik. Selain itu, bagi memastikan kadar penyertaan anak-anak Orang Asli yang berumur 4 dan 5 tahun dalam prasekolah dapat dipertingkatkan, kelas-kelas prasekolah akan terus dibuka bagi menampung keperluan tersebut.

20. Menerusi INISIATIF KEEMPAT transformasi ini, KPM telah memutuskan pengambilan pelajar-pelajar bagi Program Khas Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis ditingkatkan mengikut keperluan semasa. Ini bertujuan supaya lebih ramai guru dalam kalangan Orang Asli dapat berkhidmat kepada masyarakat mereka sendiri, di samping dapat mengimbangi kadar bilangan guru mengikut kaum. Langkah ini juga seiring dengan pengisytiharan Kampus Tengku Ampuan Afzan sebagai Pusat Kecemerlangan Pedagogi Pribumi Kebangsaan.

21. Saya dimaklumkan bahawa semua pelajar dari kalangan anak Orang Asli yang telah diambil sebagai pelatih berjaya menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Maka, sukacita ingin saya maklumkan bahawa satu Program Khas Sarjana Muda Perguruan

(PISMP) bagi Orang Asli akan dilaksanakan pada bulan Julai tahun ini dengan pengambilan permulaan seramai 25 orang pelajar.

22. Sebagai usaha untuk memahami dengan lebih mendalam keperluan pendidikan masyarakat Orang Asli, KPM telah menyediakan peruntukan khas sebanyak RM 1 juta bagi menjalankan kajian dan penyelidikan yang berkaitan dengan pendidikan Orang Asli. Tanggungjawab ini akan diberikan kepada Pusat Kecemerlangan Pedagogi Pribumi Kebangsaan di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, dan diharapkan agar institusi ini mampu menjadi pusat rujukan utama dalam bidang pendidikan khusus untuk Orang Asli, bukan sahaja di dalam negara, malah di peringkat global.

23. Selain itu, KPM juga sedang merangka untuk mewujudkan jawatan Pembantu Pengurusan Murid daripada kalangan Orang Asli bagi membantu guru-guru mengurus penyediaan makanan, penjagaan diri dan kebersihan murid-murid Orang Asli. Perkara ini akan diperhalusi keperluannya bersama agensi pusat yang lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

24. INISIATIF KELIMA adalah penambahbaikan kemudahan infrastruktur dan prasarana pendidikan Orang Asli. Sehubungan itu, kerajaan telah bersetuju untuk menambah lagi empat (4) buah Sekolah Model Khas Komprehensif K9. Sekolah tersebut seperti yang telah dilaksanakan di Sekolah Model Khas K9 Paloh Hinai, Pekan, Pahang dan Sekolah Model Khas K9 Long Bedian, di Sarawak. Model K9 ini adalah gabungan pendidikan rendah dan menengah rendah sehingga ke Tingkatan 3 yang dilengkapi dengan kemudahan asrama yang bersesuaian.

25. Program ini dijangka menelan belanja sebanyak RM32 juta akan dimulai pada tahun 2013 iaitu di Perak, Selangor, Johor dan sebuah di Pahang iaitu di Sekolah Kebangsaan Betau. Ini merupakan satu penyelesaian kreatif KPM bagi mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid-murid Orang Asli ke sekolah menengah.

26. Pada masa yang sama, kerajaan akan terus meneliti keperluan pembinaan sekolah baru di kawasan-kawasan penempatan Orang Asli yang mempunyai ramai penduduk seperti di Batu Sawar dan di Kampung Api Larat dalam Daerah Pekan, Pahang. Demikian juga, di kawasan-kawasan lain di mana keperluan berkenaan adalah mendesak supaya murid-murid Orang Asli dapat ke sekolah dan tidak ketinggalan untuk mendapatkan pendidikan.

27. Selain itu, sebanyak empat (4) buah asrama berpusat akan dinaiktaraf atau dibina dengan jumlah kos sebanyak RM12 juta untuk kemudahan dan keselesaan kepada murid-murid Orang Asli mulai tahun 2013, iaitu di Gua Musang, Kelantan, di Kuala Kangsar, Perak, di Pekan, Pahang dan sebuah asrama berpusat akan didirikan di Pusat Kecemerlangan Pedagogi Pribumi Kebangsaan, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis bagi menggantikan asrama berpusat sedia ada yang menumpang di bangunan yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan sejarah di Sungai Kerpan. Ia juga merupakan satu bentuk inisiatif pihak kerajaan untuk memberikan suasana yang lebih kondusif, di samping dapat membantu mempertingkatkan pencapaian akademik murid-murid Orang Asli khususnya di kawasan sekitar.

28. KPM sebenarnya sedaya upaya untuk menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti

kemudahan pengangkutan bas dan kenderaan pacuan empat (4) roda bagi memastikan murid-murid Orang Asli dapat menjalani pelbagai aktiviti persekolahan dengan lebih berkesan. Untuk itu sejumlah RM 5 juta akan disediakan bagi tujuan tersebut, di samping itu, terus meningkatkan kerjasama yang lebih erat dengan Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA) dan lain-lain Kementerian, agar isu pengangkutan murid Orang Asli di kawasan-kawasan tertentu dapat dipertingkatkan mutu perkhidmatannya.

29. Kerajaan sentiasa memandang serius untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Selaras itu, proses naiktaraf kualiti bekalan air bersih, bekalan elektrik 24 jam dan kemudahan telekomunikasi di sekolah-sekolah murid Orang Asli akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan kerjasama bersama pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan agensi pusat yang lain.

30. Bersesuaian dengan konsep rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan, peranan guru sebagai peneraju utama transformasi pendidikan Orang Asli juga akan terus diberikan perhatian. Oleh itu, keperluan dan kebajikan guru-guru yang mengajar di kawasan-kawasan pedalaman akan terus dibela. Justeru, sejumlah RM10 juta akan diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf rumah guru sedia ada atau membina rumah-rumah guru yang lebih berkualiti khususnya di kawasan pedalaman 2 dan pedalaman 3, bagi memastikan guru-guru mendapat tempat yang selesa dan kondusif.

Tuan / Puan yang dihormati,

31. INISIATIF KEENAM adalah memperkasakan jalinan kerjasama (smart partnership) melalui pewujudan hubungan yang lebih strategi dengan rakan sinergi, rakan di lapangan serta rakan antarabangsa bagi membolehkan hasrat untuk merealisasikan transformasi ini tercapai. Dalam usaha ini, penglibatan dan peranan khusus pihak-pihak tertentu seperti kolej vokasional, institut pendidikan guru, institusi pengajian tinggi, badan NGO dan GLC adalah amatlah penting. Justeru, saya menyeru kepada semua kepimpinan pendidikan negeri dan daerah supaya suatu ekosistem yang komprehensif dibina dan diwujudkan agar matlamat yang disasarkan dapat dicapai sepenuhnya.

32. Dalam konteks ini juga, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yayasan EMKAY yang telah berhasrat untuk turut membantu KPM untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Banun, Gerik, Perak sebagai Sekolah Model Khas K9 dengan pelbagai kemudahan. Ini akan membolehkan sekolah tersebut menjadi rujukan pembangunan pendidikan Orang Asli Zon Utara khususnya di Kawasan Tasik Banding dan Hutan Belum, Perak. Sebagai permulaan, saya dimaklumkan bahawa Yayasan EMKAY telah menyediakan peruntukan sebanyak RM 800 ribu bagi tujuan tersebut. Saya yakin akan lebih ramai penglibatan badan korporat yang akan menyumbang untuk pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli seperti ASTRO dan sebagainya.

33. Penglibatan, penyertaan dan dokongan semua pihak amatlah diperlukan bagi memastikan Transformasi Pendidikan Orang Asli ini dapat dilaksanakan dan berjaya membuah hasil. Dalam hal ini, saya menyeru agar Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) memainkan peranan yang aktif, manakala pemimpin setempat terutamanya Tok Batin-Tok Batin menjadi pendorong kepada kejayaan pelajaran anak-anak. Sebagai satu usaha berterusan agar ibu bapa menjadi contoh dan teladan kepada anak-anak, Program KEDAP iaitu Kelas Dewasa Ibu

Bapa Murid Orang Asli dan Pribumi akan diterus dan diperkasakan dengan memberi tumpuan kepada kemahiran asas penguasaan Bahasa Inggeris, Celik ICT (Teknologi Maklumat) dan Kemahiran Hidup.

Tuan / Puan yang dihormati,

34. INISIATIF KETUJUH transformasi ini adalah mewujudkan satu Sistem Pengesanan Prestasi Sekolah dan murid Orang Asli. Sistem ini mengandungi aspek auditan pencapaian prestasi sekolah-sekolah dan murid Orang Asli yang bertujuan untuk membuat penambahbaikan dan pembetulan dari masa ke semasa. Langkah ini akan dapat mengenalpasti prestasi pencapaian seramai 28,071 murid orang Asli yang berada di sekolah ketika ini di seluruh negara.

Tuan / Puan yang dihormati,

35. Kerajaan pada hari ini sememangnya amat prihatin dan memandang serius terhadap pembangunan pendidikan negara dan sentiasa melaksanakan pelbagai penambahbaikan yang berterusan. Walaupun saya telah mengumumkan pelbagai langkah dan inisiatif di bawah tranformasi pendidikan orang asli ini, saya ingin mengingatkan bahawa semua program serta aktiviti yang sedang berlangsung sekarang akan diteruskan dan dipantau untuk memastikan kejayaannya.

36. Ini termasuklah penambahbaikan dan naiktaraf sekolah-sekolah kebangsaan di pakej RM 500 juta yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Di bawah pakej ini, KPM telah menyediakan sejumlah RM 3.2 juta bagi proses penyelenggaraan dan naiktaraf sekolah-sekolah Orang Asli yang berkeperluan mendesak di seluruh negara. Sebagai tanda terima kasih saya kepada masyarakat Orang Asli di Betau dan sekitarnya yang sudi menjadi tuan rumah, maka saya bersetuju meluluskan sejumlah RM 700 ribu lagi bagi tujuan penambahbaikan dan penyelenggaraan segera yang diperlukan oleh enam (6) buah sekolah Orang Asli di daerah ini.

37. Saya berasa yakin bahawa pembangunan modal insan yang berkualiti dan secara menyeluruh akan dapat membina Bangsa Malaysia yang harmoni, bersatu padu serta bersedia sebagai rakyat di Negara Maju. Justeru, saya berharap semoga majlis kita hari ini merupakan satu lagi langkah kerajaan bagi memastikan tiada kanak-kanak di negara ini yang terlepas peluang mendapatkan pendidikan.

38. Saya juga yakin bukan sahaja guru-guru, ibu bapa malah masyarakat setempat di hadapan saya hari ini akan berdiri teguh dan menyokong kerajaan dalam memastikan kelangsungan pendidikan di negara kita.

39. Akhir sekali, dengan lafaz suci Bismillahi-Rahmanir-Rahim, saya dengan bangga dan sukacitanya melancarkan Program Transformasi Pendidikan Orang Asli Kebangsaan.

Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.